

Lembah Klang tenggelam dalam tempoh 50 tahun

Oleh **RODELIO JUNJUN TAUCAN**
dan **SITI AISHAH MOHD. ZIN**
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 21 JAN.**

KEMENTERIAN Sumber Asli dan Alam Sekitar memberi amaran banyak penempatan di kawasan tepian pantai dan lembangan sungai seperti Lembah Klang bakal ditenggelami air dalam tempoh 50 tahun lagi jika tiada projek tebatan banjir dibina dari sekarang.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kajian saintifik menunjukkan perkara tersebut berpunca daripada pemanasan global yang menyebabkan paras air laut meningkat sehingga 18 peratus dan melimpah ke kawasan lembah.

Sehubungan itu, katanya, maklumat mengenai kajian tersebut akan dibentangkan dalam mesyuarat yang dipengerusikan Perdana Menteri bersama Menteri Besar dan Ketua Menteri seluruh negara dalam tempoh terdekat untuk memastikan semua pihak dapat mengambil langkah pencegahan dari awal.

“Saya masih menjual idea di seluruh negara bahawa sesiapa yang masih membuat pembangunan di tepian sungai atau laut, kena mengambil kira apa sahaja maklumat dan data yang diberikan Jabatan Pengairan dan Saliran



WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR menerima *Pelan Strategik Jangka Panjang JPS 2016-2020* dan *Coffee Table's Book* daripada **Zainor Rahim Ibrahim** (kiri) dalam **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Tahun 2015 JPS di Kuala Lumpur, semalam.**

(JPS) tentang bagaimana keadaan permukaan air kita untuk 50 tahun akan datang.

“Kesan pembangunan di tepi sungai dan laut tidak boleh dilihat lima atau 10 tahun akan datang kerana keadaan cuaca dan pemanasan global yang sedang berlaku, JPS ada semua maklumat itu,” katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasamu Dikenang Tahun 2015 JPS di JPS Ampang hari ini.

Yang turut hadir, timbalannya, Datuk Ir. Hamim Samuri; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Seri Azizan Ahmad dan Ketua Pengarah JPS, Datuk Seri Ir. Zainor Rahim Ibrahim.

Wan Junaidi berkata, beliau akan turut memaklumkan perkara berkenaan kepada Majlis Tanah Negara dan Majlis Perancangan Fizikal Negara untuk memastikan kedua-dua pihak peka terhadap setiap projek pembangunan yang akan dibuat selepas ini.